

KEMERDEKAAN DAN KESELAMATAN INDIVIDU, DAN KEBEBASAN BERGERAK ADALAH HAK PEMOHON SUAKA

PENAHANAN HENDAKLAH SELARAS DENGAN DAN DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG

PENAHANAN TANPA TEMPOH TERTENTU ADALAH SEMBARANGAN DAN TEMPOH MAKSIMA PENAHANAN PERLU DIPERUNTUKKAN DI DALAM UNDANG-UNDANG

KEPUTUSAN UNTUK MEMBUAT PENAHANAN ATAU LANJUTAN PENAHANAN PERLU TERTAKLUK KEPADA PROSEDUR MINIMA PERLINDUNGAN

KEPERLUAN KHUSUS ATAU KEADAAN TERTENTU SESEORANG PEMOHON SUAKA PERLU DIBERI PERHATIAN

SYARAT-SYARAT PENAHANAN PERLU BERSIFAT BERPERIKEMANUSIAAN DAN MENJAGA MARUAH

PENAHANAN HENDAKLAH TERTAKLUK KEPADA PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN DARIPADA AGENSI BEBAS

Garis Panduan Penahanan

Garis Panduan Berkenaan Kriteria dan Piawaian Berkaitan Dengan Penahanan Pemohon Suaka dan Alternatif Terhadap Penahanan



UNHCR
The UN Refugee Agency

TIADA DISKRIMINASI DALAM PENAHANAN

PENAHANAN HENDAKLAH TIDAK SECARA SEWENANG-WENANGNYA, DAN SEBARANG KEPUTUSAN UNTUK PENAHANAN PERLU BERDASARKAN KEPADA PENILAIAN KEADAAN SETIAP INDIVIDU

HAK UNTUK MEMOHON SUAKA PERLU DIHORMATI



Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa
Bersatu (UNHCR) bagi Orang-Orang Pelarian



UNHCR

United Nations High Commissioner for Refugees
Haut Commissariat des Nations Unies pour les réfugiés

UNHCR mengeluarkan *Garis Panduan berkenaan Kriteria dan Piawaian Berkaitan Dengan Penahanan Pemohon Suaka dan Alternatif kepada Penahanan* lanjutan daripada mandatnya, seperti yang terkandung di dalam *Statute of the Office of the United Nations High Commissioner for Refugees*, selaras dengan Perkara 35 di dalam *Konvensyen 1951 berkaitan dengan Status Pelarian* dan *Perkara II Protokol 1967* yang berkenaan. Garis Panduan ini menggantikan UNHCR, *Garis Panduan berkenaan Kriteria dan Piawaian Berkaitan Dengan Penahanan Pemohon Suaka*, Februari 1999.

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada kerajaan, ahli parlimen, pengamal undang-undang, pembuat keputusan, termasuk badan kehakiman, serta badan-badan antarabangsa dan kebangsaan yang lain yang terlibat dengan penahanan dan perihal suaka, termasuk pertubuhan bukan kerajaan, institusi-institusi kebangsaan berkaitan hak- hak manusia dan kakitangan UNHCR.

Garis Panduan ini boleh didapati atas talian di:
<http://www.unhcr.org/refworld/docid/503489533b8.html>

© UNHCR 2012

Layout & Design: BakOS DESIGN



Isi Kandungan

Isi Kandungan	4
Pengenalan	6
Skop	7
Istilah	8
Garis Panduan Penahanan UNHCR	10
GARIS PANDUAN 1: Hak untuk memohon suaka perlu dihormati	11
GARIS PANDUAN 2: Kemerdekaan dan keselamatan individu dan kebebasan bergerak adalah hak pemohon suaka	12
GARIS PANDUAN 3: Penahanan hendaklah selaras dengan dan dibenarkan oleh undang-undang	13
GARIS PANDUAN 4: Penahanan hendaklah tidak secara sewenang-wenangnya, dan sebarang keputusan untuk penahanan perlu berdasarkan kepada penilaian keadaan setiap individu	14
Garis Panduan 4.1: Penahanan adalah langkah luar biasa dan hanya boleh dijustifikasikan atas sebab yang sah dan munasabah	15
4.1.1 Untuk Menjaga Ketenteraman Awam	15
4.1.2 Untuk menjaga kesihatan awam	17
4.1.3 Untuk menjaga keselamatan negara	17
4.1.4 Matlamat yang Tidak Menjustifikasikan Penahanan	18
Garis Panduan 4.2: Penahanan hanya boleh dilakukan apabila ia ditentukan sebagai perlu, munasabah dalam semua keadaan dan seimbang bagi tujuan yang sah	19
Garis Panduan 4.3: Alternatif kepada penahanan perlu dipertimbangkan	19
GARIS PANDUAN 5: Tiada diskriminasi dalam penahanan	22

GARIS PANDUAN 6:	Penahanan tanpa tempoh tertentu adalah sembarangan dan tempoh maksima penahanan perlu diperuntukkan di dalam undang-undang	23
GARIS PANDUAN 7:	Keputusan untuk membuat penahanan atau lanjutan penahanan perlu tertakluk kepada prosedur minima perlindungan.....	24
GARIS PANDUAN 8:	Terma dan syarat penahanan perlu bersifat perikemanusiaan dan menjaga maruah.....	26
GARIS PANDUAN 9:	Keperluan khusus atau keadaan tertentu seseorang pemohon suaka perlu diberi perhatian	29
	Garis Panduan 9.1: Mangsa trauma atau penganiayaan.....	29
	Garis Panduan 9.2: Kanak-kanak	30
	Garis Panduan 9.3: Wanita	33
	Garis Panduan 9.4: Mangsa atau mangsa potensi penyeludupan	33
	Garis Panduan 9.5: Pemohon suaka dengan keistimewaan	34
	Garis Panduan 9.6: Pemohon suaka yang berusia.....	34
	Garis Panduan 9.7: Pemohon suaka lesbian, gay, biseks, transgender atau interseks	35
GARIS PANDUAN 10:	Penahanan haruslah tertakluk kepada pemantauan dan pemeriksaan bebas	36
Lampiran A: Alternatif kepada Penahanan		37
	Langkah-langkah pelengkap dan lain-lain pertimbangan.....	40
Nota Akhir		42
Pautan Berguna		54

Pengenalan

1. Hak untuk kebebasan dan keselamatan adalah merupakan hak asasi mutlak seseorang individu, termaktub di dalam larangan antarabangsa ke atas penahanan sewenang-wenangnya tanpa sebab, dan disokong oleh hak untuk kebebasan bergerak. Dengan tidak menafikan cabaran-cabaran semasa kepada sistem suaka kebangsaan yang disebabkan oleh penghijrahan yang tidak teratur serta hak seseorang negara untuk mengawal kemasukan dan tempoh tinggal bagi bukan warganegara di negara tersebut, tertakluk kepada pelarian dan piawaian hak asasi manusia,¹ Garis Panduan ini mencerminkan keadaan semasa undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan penahanan pemohon suaka dan bertujuan untuk memberi panduan kepada:
 - (a) pihak kerajaan dalam membuat huraian dan pelaksanaan suaka dan dasar migrasi yang melibatkan unsur penahanan; dan
 - (b) pembuat keputusan, termasuk hakim, dalam membuat penilaian tentang keperluan penahanan dalam setiap kes.
2. Dengan mengambil kira kepayahan yang terpaksa dilalui, dan konsisten dengan undang-undang serta hak seseorang individu dan piawaian antarabangsa bagi pelarian, penahanan seorang pemohon suaka sepatutnya dielakkan dan dijadikan sebagai langkah terakhir. Memohon suaka bukan satu tindakan yang menyalahi undang-undang, jadi sebarang sekatan terhadap kebebasan yang dikenakan ke atas mana-mana individu yang ingin memohon suaka, hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam peruntukan undang-undang, diteliti batasannya dan tertakluk kepada penilaian segera. Penahanan hanya boleh digunakan jika ia bersandarkan kepada matlamat yang sah dan diakui bahawa ia adalah perlu dan wajar di dalam setiap kes. Menghormati hak untuk memohon suaka melibatkan penerimaan secara terbuka dan sifat berperikemanusiaan terhadap pemohon suaka, termasuk perihal keselamatan, maruah dan hak asasi manusia.²
3. Terdapat pelbagai kaedah bagi pihak kerajaan menangani penghijrahan tidak teratur ini – selain daripada melalui penahanan – dengan mengambilkira kebimbangan kerajaan serta keadaan tertentu setiap individu yang terlibat.³ Pada hakikatnya, tidak ada bukti bahawa sesuatu penahanan mempunyai kesan pencegahan kepada pelarian.⁴ Tanpa mengambilkira kesan tersebut, dasar penahanan yang bertujuan untuk pencegahan pada umumnya adalah menyalahi undang-undang di bawah undang-undang antarabangsa hak manusia kerana ia tidak berasaskan kepada penilaian terhadap keperluan untuk menahan bagi setiap kes. Selain memastikan pematuhan terhadap piawaian hak asasi manusia, pihak kerajaan adalah disarankan untuk mengkaji

semula dasar-dasar penahanan dan amalan berdasarkan penyelidikan terkini berkaitan dengan alternatif- alternatif lain kepada penahanan (yang mana sebahagiannya adalah dinyatakan di dalam Garis Panduan ini). UNHCR bersedia untuk membantu pihak kerajaan dalam merangka alternatif kepada program-program penahanan.

Skop


4. Garis Panduan ini mencerminkan status undang-undang antarabangsa berkaitan dengan penahanan – atas sebab-sebab berkait imigrasi – berkaitan pemohon suaka dan lain- lain individu yang memohon perlindungan antarabangsa. Ia boleh juga digunapakai bagi pelarian dan lain- lain individu yang memerlukan perlindungan antarabangsa jika mereka ditahan secara luar biasa dengan sebab-sebab yang berkaitan imigrasi. Garis Panduan ini juga terpakai untuk individu yang tidak mempunyai kewarganegaraan yang ingin mendapatkan suaka, walaupun ia tidak secara khusus merangkumi keadaan individu yang tiada kewarganegaraan dan tidak memohon suaka,⁵ individu yang didapati tidak memerlukan suaka antarabangsa,⁶ atau pelarian lain, walaupun kebanyakan piawaian yang diperincikan di sini boleh digunakan ke atas mereka secara *mutatis mutandis*. Ini terutamanya benar bagi individu bukan pelarian yang tiada kewarganegaraan, yang mana dalam konteks penghijrahan mereka menghadapi risiko ditahan sewenang-wenangnya. Garis Panduan ini tidak terpakai untuk pemohon suaka atau pelarian yang dipenjarakan atas kesalahan jenayah.

Istilah



PENAHANAN

5. Bagi tujuan Garis Panduan ini, “**penahanan**” merujuk kepada penafian kebebasan atau pengurangan dalam satu tempat tertutup yang mana pemohon suaka tidak dibenarkan meninggalkan tempat tersebut mengikut kehendak sendiri, termasuk, walaupun tidak terhad kepada, penjara atau penahanan dibina khas, pusat resepsi atau pusat pengumpulan atau kemudahan tertutup.
6. Tempat penahanan mungkin diuruskan samada oleh pihak berkuasa awam atau kontraktor swasta; pengurangan boleh diluluskan oleh prosedur pentadbiran atau kehakiman, atau seseorang individu mungkin juga ditahan dengan atau tanpa kelulusan “perundangan”. Penahanan atau pengurangan sepenuhnya merupakan halangan kebebasan yang paling maksimum (lihat Rajah 1). Sekatan-sekatan lain berkenaan dengan kebebasan pergerakan dalam konteks imigrasi, adalah juga sama, iaitu tertakluk kepada piawaian antarabangsa.⁷ Perbezaan antara penafian kebebasan (penahanan) dan sekatan-sekatan yang lebih kecil berkaitan pergerakan adalah merupakan suatu “*tahap atau kesungguhan, dan bukannya suatu sifat semulajadi atau hakiki*”.⁸ Sungguhpun Garis Panduan ini lebih fokus terhadap penahanan (atau pengurangan sepenuhnya), Garis Panduan ini juga ditujukan kepada langkah-langkah yang bukan pengurangan sepenuhnya.
7. Penahanan boleh berlaku di pelbagai lokasi, termasuk di daratan dan sempadan-sempadan darat dan laut, pada “*zon-zon antarabangsa*” di lapangan terbang,⁹ di pulau- pulau,¹⁰ di bot atau kapal pelayaran,¹¹ serta di kem- kem pelarian yang tertutup, juga di rumah seseorang (tahanan kediaman) malah melangkaui sempadan.¹² Tanpa mengambil kira label yang diberikan kepada tempat penahanan, persoalan penting ialah samada seseorang pemohon suaka dinafikan kebebasan masing-masing secara mutlak (*de facto*) dan samada penafian ini sah di sisi undang-undang berdasarkan undang-undang antarabangsa.



Rajah 1¹³



ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN

8. “**Alternatif kepada penahanan**” bukan merupakan satu terma perundangan yang sah tetapi ia digunakan di dalam Garis Panduan ini sebagai singkatan untuk rujukan ke atas sebarang undang-undang, dasar atau amalan yang membenarkan pemohon suaka untuk tinggal dalam masyarakat, tertakluk kepada beberapa syarat atau sekatan ke atas kebebasan pergerakan atau tindakan mereka. Memandangkan beberapa alternatif kepada penahanan turut melibatkan pelbagai sekatan pergerakan atau kebebasan (dan sebahagiannya boleh diklasifikasikan sebagai bentuk penahanan), ia juga tertakluk kepada piawai hak asasi manusia (lihat Rajah 2).



PEMOHON SUAKA

9. Istilah “**Pemohon Suaka**” dalam Garis Panduan ini merujuk kepada individu yang memohon untuk status pelarian lanjutan daripada takrif “pelarian” di dalam Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 berkaitan dengan Status Pelarian (“Konvensyen 1951”)¹⁴ atau mana-mana instrumen pelarian daerah,¹⁵ serta individu lain yang mencari bentuk perlindungan pelengkap, subsidiari atau sementara.¹⁶ Garis Panduan ini juga merangkumi sesiapa sahaja yang tergolong di dalam prosedur-prosedur penentuan status, serta kebolehasukan, tapisan awal atau prosedur-prosedur lain yang setara. Garis Panduan ini juga terpakai untuk individu yang ingin menggunakan hak mereka untuk mendapatkan semakan kehakiman terhadap permintaan mereka untuk perlindungan antarabangsa.



INDIVIDU TANPA KEWARGANEGARAAN

10. “**Individu Tanpa Kewarganegaraan**” ditakrifkan di bawah undang-undang antarabangsa sebagai “*seorang individu yang tidak dianggap sebagai warganegara oleh mana-mana negara menurut peruntukan undang-undangnya.*”¹⁷ Oleh itu, **Pemohon Suaka Tanpa Kewarganegaraan** merujuk kepada individu yang tidak mempunyai kewarganegaraan yang memohon untuk mendapatkan status pelarian di bawah Konvensyen 1951,¹⁸ atau lain bentuk perlindungan antarabangsa.

Garis Panduan Penahanan UNHCR



GARIS PANDUAN 1.	Hak untuk memohon suaka perlu dihormati		
GARIS PANDUAN 2.	Kemerdekaan dan keselamatan individu, dan kebebasan bergerak adalah hak pemohon suaka		
GARIS PANDUAN 3.	Penahanan hendaklah selaras dengan dan dibenarkan oleh undang-undang		
GARIS PANDUAN 4.	Penahanan hendaklah tidak secara sewenang-wenangnya, dan sebarang keputusan untuk penahanan perlu berdasarkan kepada penilaian keadaan setiap individu seperti butiran berikut:-		
	<p>Garis Panduan 4.1 Penahanan adalah langkah luar biasa dan hanya boleh dijustifikasikan atas sebab yang sah dan munasabah</p>	<p>GARIS PANDUAN 4.3 Penahanan hanya boleh dilakukan apabila ia telah ditentukan sebagai perlu, berpatutan dalam semua keadaan, dan seimbang bagi tujuan yang sah</p>	<p>GARIS PANDUAN 4.3 Alternatif kepada penahanan perlu dipertimbangkan</p>
GARIS PANDUAN 5.	Tiada diskriminasi dalam penahanan		
GARIS PANDUAN 6.	Penahanan tanpa tempoh tertentu adalah sembarangan dan tempoh maksima penahanan perlu diperuntukkan di dalam undang-undang		
GARIS PANDUAN 7.	Keputusan untuk membuat penahanan atau lanjutan penahanan perlu Tertakluk kepada prosedur minima perlindungan		
GARIS PANDUAN 8.	Terma dan syarat penahanan perlu bersifat perikemanusiaan dan menjaga maruah		
GARIS PANDUAN 9.	Keperluan khusus atau keadaan tertentu seseorang pemohon suaka perlu diberi perhatian		
GARIS PANDUAN 10.	Penahanan hendaklah tertakluk kepada pemantauan dan pemeriksaan daripada agensi bebas		

GARIS PANDUAN 1:

Hak untuk memohon suaka perlu dihormati

11. Setiap individu mempunyai hak untuk mendapatkan dan menikmati suaka di negara-negara lain, daripada penindasan, pencabulan hak-hak kemanusiaan yang serius dan lain-lain kemudaratan. Oleh itu, memohon suaka bukanlah satu tindakan yang menyalahi undang-undang.¹⁹ Selanjutnya, peruntukan Konvensyen 1951 telah menyatakan bahawa pemohon suaka tidak akan dihukum atas kemasukan atau pendudukan haram, dengan syarat mereka melaporkan diri kepada pihak berkuasa dengan segera, tanpa sebarang kelewatan dan menunjukkan sebab yang munasabah untuk kehadiran dan kemasukan haram tersebut.²⁰ Dalam menggunakan hak untuk memohon suaka, pemohon suaka selalunya terpaksa untuk sampai, atau memasuki, sesuatu wilayah tanpa kebenaran awal. Oleh itu, situasi pemohon suaka mungkin berbeza pada dasarnya dengan pendatang biasa, kerana mereka mungkin tidak berada di dalam keadaan yang membolehkan mereka untuk mematuhi peraturan dan undang-undang bagi kemasukan. Mereka boleh, misalnya, tidak mampu untuk mendapatkan dokumen yang perlu terlebih dahulu sebelum keberangkatan mereka kerana kekhawatiran terhadap penindasan dan/atau kecemasan untuk berlepas dengan segera. Faktor-faktor ini, serta hakikat bahawa pemohon suaka selalunya mengalami peristiwa trauma, perlu diambil kira dalam menentukan sebarang sekatan terhadap kebebasan pergerakan berdasarkan kemasukan atau kehadiran tidak teratur.

GARIS PANDUAN 2:

Kemerdekaan dan keselamatan individu dan kebebasan bergerak adalah hak pemohon suaka

12. Hak asasi untuk kemerdekaan dan keselamatan individu²¹ dan kebebasan bergerak²² dinyatakan di dalam semua suratcara utama hak asasi manusia antarabangsa dan serantau, dan ialah komponen penting dalam sistem perundangan yang berlandaskan kedaulatan undang-undang. Jawatankuasa Eksekutif bagi Program Pesuruhjaya Tinggi (ExCom) telah menyuarakan hal penahanan pemohon suaka di berbagai acara-waktu.²³ Hak- hak ini, secara dasarnya adalah terpakai kepada semua individu, tanpa mengira samada mereka adalah imigran, pelarian, pemohon suaka atau lain-lain status.²⁴
13. Artikel 31 Konvensyen 1951 secara spesifik memperuntukkan bahawa tiada hukuman bagi pelarian (dan pemohon suaka) yang telah memasuki atau mendiami secara haram atau tidak sah jika mereka melaporkan diri dengan segera, tanpa sebarang kelewatan, dan menunjukkan sebab yang munasabah ataskemasukan dan kehadiran haram tersebut. Adalah juga diperuntukkan bahawa sekatan untuk bergerak tidak terpakai ke atas pelarian-pelarian (atau pemohon suaka), selain daripada yang diperlukan dan sekatan tersebut hanya dikenakan sehingga status mereka disahkan atau mereka mendapat kebenaran untuk memasuki negara lain.²⁵ Artikel 26 Konvensyen 1951 seterusnya memperuntukkan kebebasan bergerak dan pilihan kediaman untuk pelarian yang sah di dalam negara.²⁶ Pemohon suaka adalah dianggap sah di dalam negara bagi membolehkan mereka memanfaatkan peruntukan ini.²⁷
14. Hak-hak ini dikira bersekali – hak untuk mendapatkan suaka, tiada hukuman bagi kemasukan atau mendiami secara tidak teratur dan hak untuk kemerdekaan dan keselamatan individu dan kebebasan bergerak – bermakna bahawa penahanan pemohon suaka sepatutnya menjadi langkah terakhir, dengan kebebasan sebagai posisi asli (*default*).

GARIS PANDUAN 3:

Penahanan hendaklah selaras dengan dan dibenarkan oleh undang-undang

15. Sebarang penahanan atau penafian kebebasan hendaklah selaras dengan dan dibenarkan oleh undang-undang negara berkenaan.²⁸ Penafian kebebasan yang tidak mematuhi undang-undang negara terbabit adalah salah, bukan sahaja salah menurut undang-undang negara berkenaan, tetapi juga undang-undang antarabangsa. Pada masa yang sama, walaupun undang-undang negara berkenaan ialah pertimbangan utama untuk menentukan kesahihan sesuatu penahanan, ia "*bukan sentiasa menjadi unsur penentu dalam menilai justifikasi untuk penafian kebebasan.*"²⁹ Khususnya, faktor spesifik yang perlu dipertimbangkan adalah tujuan asas mencegah orang yang dinafikan kebebasan mereka sewenang-wenangnya.³⁰
16. Undang-undang berkenaan penahanan mesti mematuhi prinsip kepastian perundangan. Ini memerlukan, antara lain, undang-undang berkenaan dan lanjutan perundangan yang berkaitan dapat diramal dan dijangkakan.³¹ Undang-undang yang membenarkan penahanan tidak sepatutnya, misalnya, berkesan kebelakang.³² Mengenalpasti dengan jelas akan sebab dan asas bagi penahanan dalam undang-undang negara adalah memenuhi kehendak kepastian perundangan.³³
17. Ketiadaan jaminan dalam peruntukan undang-undang untuk melindungi daripada penahanan sewenang-wenangnya, seperti tiada had atas tempoh maksima sesuatu penahanan, atau tiada akses kepada remedi yang efektif untuk membantahnya, boleh juga membangkitkan persoalan berkenaan kesahihan sebarang penahanan.³⁴

GARIS PANDUAN 4:

Penahanan hendaklah tidak secara sewenang-wenangnya, dan sebarang keputusan untuk penahanan perlu berdasarkan kepada penilaian keadaan setiap individu

18. Penahanan dalam konteks penghijrahan tidak menyalahi undang-undang antarabangsa, dan tidak juga bermakna hak untuk kebebasan seseorang individu itu adalah mutlak.³⁵ Walaubagaimanapun, undang-undang antarabangsa memberikan perlindungan yang substantif terhadap penahanan yang *menyalahi undang-undang* (lihat Garis Panduan 3) serta penahanan *sewenang-wenangnya*. “Sewenang-wenangnya” secara luasnya termasuk bukan sahaja menyalahi undang-undang, tetapi juga jika terdapat unsur ketidaksesuaian, ketidakadilan dan tidak dapat dijangka.³⁶ Bagi mengelakkan daripada sewenang-wenangnya, penahanan perlu menjadi suatu kemestian di dalam setiap kes individu, munasabah dalam semua keadaan dan seimbang kepada matlamat perundangan (lihat Garis Panduan 4.1 dan 4.2).³⁷ Selanjutnya, kegagalan untuk mempertimbangkan langkah yang kurang menekan atau mencerooboh hak boleh juga mengakibatkan penahanan sewenang-wenangnya. (Garis Panduan 4.3).
19. Sebagai hak asasi, keputusan untuk membuat penahanan hendaklah berdasarkan kepada penilaian terperinci dan secara berasingan untuk setiap kes akan keperluan membuat penahanan selaras dengan matlamat yang sah. Pemeriksaan yang sesuai atau mengenalpasti butiran untuk dinilai, dapat membantu pembuat keputusan dalam hal ini, dan perlu mengambil kira keadaan khusus atau keperluan golongan tertentu pemohon suaka (lihat Garis Panduan 9). Faktor untuk dipertimbangkan dalam membuat keputusan boleh termasuk peringkat proses suaka, destinasi akhir yang diinginkan, hubungan keluarga dan/atau masyarakat, kelakuan lampau berkaitan pematuhan dan perilaku, dan risiko melarikan diri atau artikulasi pengakuan bersedia dan memahami keperluan untuk mematuhi.
20. Berkaitan dengan alternatif kepada penahanan (Garis Panduan 4.3 dan Lampiran A), tahap dan kesesuaian untuk ditempatkan dalam masyarakat perlu diibandingkan keadaan individu tersebut dengan sebarang risiko kepada

komuniti. Memadankan seseorang individu dan/atau keluarganya kepada komuniti yang sesuai juga harus menjadi sebahagian daripada penilaian, termasuk tahap perkhidmatan sokongan yang diperlukan dan yang disediakan.

Penahanan mandatori atau secara automatik ialah penahanan sewenang-wenangnya kerana ia tidak berdasarkan kepada penilaian keperluan penahanan dalam setiap kes secara berasingan.³⁸

GARIS PANDUAN 4.1:

Penahanan adalah langkah luar biasa dan hanya boleh dijustifikasikan atas sebab yang sah dan munasabah

21. Penahanan hanya boleh dipilih dengan matlamat yang sah. Tanpa matlamat sebegitu, penahanan akan dianggap sebagai sewenang-wenangnya, sekalipun kemasukan adalah secara haram.³⁹ Tujuan dan matlamat penahanan sepatutnya ditakrifkan dengan jelas dalam perundangan dan/atau peraturan (lihat Garis Panduan 3).⁴⁰ Dalam konteks penahanan pemohon suaka, terdapat tiga tujuan yang mana penahanan boleh menjadi perlu dalam setiap kes, dan yang secara umumnya selaras dengan undang-undang antarabangsa, iaitu ketenteraman awam, kesihatan awam atau keselamatan negara.

4.1.1 Untuk Menjaga Ketenteraman Awam

Bagi mengelak dari melarikan diri dan/atau kes kemungkinan tidak memberikerjasama

22. Jika terdapat asas yang kukuh untuk mengatakan bahawa pemohon suaka yang berkenaan mungkin akan melarikan diri atau sebaliknya enggan memberi kerjasama kepada pihak berkuasa, penahanan boleh jadi perlu bagi kes tersebut.⁴¹ Faktor-faktor untuk menyeimbangkan dalam sesuatu penilaian menyeluruh berkenaan keperluan penahanan sedemikian adalah termasuk, misalnya, kelakuan terdahulu samadapemberikan kerjasama atau sebaliknya, pematuhan atau ketidakpatuhan terdahulu dengan syarat pembebasan atau jaminan, hubungan keluarga atau komuniti atau rangkaian sokongan lain dalam negara perlindungan, kesediaan atau keengganan untuk memberikan maklumat berkenaan elemen asas dakwaan mereka, atau samada dakwaan dianggap dengan jelasnya tidak berasas atau disalahgunakan.⁴² Kaedah penilaian dan semakan yang wajar perlu ditetapkan bagi memastikan bahawa pemohon suaka yang sah (*bona fide*) tidak ditahan secara salah.⁴³

Berkenaan dengan prosedur yang dipercepatkan bagi pengakuan yang secara jelasnya tidak berasas atau disalahgunakan

23. Penahanan yang dikaitkan dengan prosedur yang dipercepatkan bagi pengakuan yang secara jelasnya tidak berasas atau disalahgunakan mesti dikawal oleh undang-undang dan, seperti diperlukan oleh pertimbangan perbandingan, ia mesti mempertimbangkan pelbagai kepentingan yang berkaitan.⁴⁴ Sebarang penahanan berdasarkan kepada prosedur dipercepatkan ini hanya wajar digunakan dalam kes yang dipersetujui sebagai “jelas tidak berasas” atau “penyalahgunaan jelas”;⁴⁵ dan mereka yang ditahan berhak kepada perlindungan yang digariskan dalam Garis Panduan ini.

Untuk identiti awal dan/atau pengesahan keselamatan

24. Tempoh minima penahanan adalah dibenarkan untuk menjalankan pengesahan identiti awal dan pemeriksaan keselamatan dalam kes di mana identiti belum dipastikan atau dalam pertikaian, atau terdapat bayangan akan risiko keselamatan.⁴⁶ Dalam masa yang sama, penahanan mestilah hanya untuk tempoh yang berpatutan bagi membolehkan tindakan mengesahkan identiti atau menjalankan pemeriksaan keselamatan, dan dalam had masa yang diperuntukkan oleh undang-undang (lihat di bawah).
25. Perlu difahami bahawa pemohon suaka pada kebiasaannya mempunyai sebab yang boleh dijustifikasikan untuk kemasukan haram atau pergerakan tak teratur,⁴⁷ termasuk perjalanan tanpa dokumen identiti, maka penting untuk memastikan bahawa peruntukan imigresen tidak mengenakan permintaan-permintaan yang tidak realistik mengenai kuantiti dan kualiti dokumen pengenalan yang pemohon suaka boleh dan/atau mampu berikan. Sekiranya tiada dokumen pengenalan, identiti dapat diketahui melalui maklumat lain. Ketidakupayaan untuk memberikan dokumen tidak harus secara automatik ditafsir sebagai keengganan untuk memberikan kerjasama, atau menyebabkan penilaian keselamatan yang kurang baik. Pemohon suaka yang tiba tanpa dokumen kerana mereka tidak dapat memperolehnya dari negara asal mereka tidak seharusnya ditahan semata-mata kerana alasan tersebut. Sebaliknya, apa yang perlu dinilai adalah samada pemohon suaka mempunyai penjelasan yang munasabah untuk ketiadaan atau kemusnahan dokumen, atau pemilikan dokumen palsu, samada dia mempunyai niat untuk mengelirukan pihak berkuasa, atau samada dia enggan untuk bekerjasama dengan proses pengesahan identiti.
26. Had masa yang tertentu perlu ditetapkan jika penahanan adalah berasaskan pengesahan identiti, kerana kekurangan dokumen boleh menyebabkan, dan adalah salah-satu sebab utama, penahanan tanpa tempoh tertentu atau berpanjangan.

27. Walaupun kewarganegaraan biasanya adalah sebahagian daripada identiti seseorang individu, ia merupakan satu penilaian yang rumit manakala bagi pemohon suaka yang tiada kerakyatan, ia sepatutnya dijalankan dengan prosedur yang sesuai.⁴⁸

Bagi tujuan merakam, dalam konteks temuduga awal, unsur-unsur yang menjadi asas kepada permohonan perlindungan antarabangsa, yang tidak boleh diperolehi tanpa penahanan

28. Penahanan pemohon suaka untuk satu tempoh permulaan yang terhad dibenarkan untuk tujuan merakam, dalam konteks temuduga awal, unsur-unsur yang mereka dakwa bagi mendapatkan perlindungan antarabangsa.⁴⁹ Walau bagaimanapun, penahanan sedemikian hanya boleh dijustifikasikan jika maklumat itu tidak boleh diperolehi melainkan dengan penahanan. Ini melibatkan mendapatkan fakta penting dari pemohon suaka tentang mengapa atau tujuan suaka dipohon tetapi tidak pada kebiasaannya mampu menentukan merit penuh sesuatu dakwaan. Pengecualian kepada prinsip umum ini – di mana penahanan pemohon suaka ialah jalan terakhir – tidak boleh digunakan untuk menjustifikasi penahanan untuk seluruh prosedur penentuan status, atau untuk tempoh masa yang tidak tentu.

4.1.2 Untuk menjaga kesihatan awam

29. Menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas setiap pemohon suaka adalah satu asas yang sah untuk suatu tempoh penahanan, dengan syarat ia adalah wajar dalam setiap kes atau, secara alternatif, sebagai satu langkah mencegah jika terdapat penyakit berjangkit khusus atau wabak. Dalam konteks imigrasi, pemeriksaan kesihatan sedemikian boleh dijalankan sebaik sahaja masuk ke negara berkenaan atau secepat mungkin selepas itu. Sebarang lanjutan penahanan atau sekatan pergerakan atas asas ini hanya sepatutnya berlaku jika ia dapat dijustifikasikan untuk tujuan rawatan, dan disahkan oleh kakitangan perubatan yang layak, dan dalam keadaan sedemikian, hanya sehingga rawatan selesai. Penahanan sedemikian perlu dibuat di pusat-pusat yang sesuai, seperti klinik kesihatan, hospital, atau pusat perubatan yang khusus di lapangan terbang/sempadan. Hanya kakitangan perubatan yang layak, tertakluk kepada penyeliaan perundangan, boleh mengarahkan lanjutan penahanan atas sebab kesihatan melebihi pemeriksaan perubatan awal.

4.1.3 Untuk menjaga keselamatan negara

30. Kerajaan perlu menahan individu tertentu yang dilihat sebagai ancaman kepada keselamatan negara.⁵⁰ Walaupun dalam menentukan apa yang dianggap ancaman kepada keselamatan negara terpulang kepada kerajaan tersebut, langkah- langkah yang diambil (seperti penahanan) perlu mematuhi

piawaian dalam Garis Panduan ini, khususnya bahawa penahanan adalah perlu, seimbang kepada ancaman, tanpa diskriminasi, dan tertakluk seliaan kehakiman.⁵¹

4.1.4 Matlamat yang Tidak Menjustifikasikan Penahanan

31. Penahanan yang tidak bertujuan matlamat yang sah adalah sewenang-wenangnya.⁵² Beberapa contoh digariskan seperti di bawah.

Penahanan sebagai satu penalti untuk kemasukan haram dan/atau sebagai satu halangan untuk mendapatkan perlindungan.

32. Seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan 1 dan 2, penahanan semata-mata kerana seseorang individu ingin mendapatkan suaka adalah tidak sah di bawah undang-undang antarabangsa.⁵³ Kemasukan atau mendiami secara haram oleh pemohon suaka tidak memberi negara berkenaan kuasa automatik untuk membuat penahanan atau sebaliknya menghalang kebebasan bergerak. Penahanan yang dikenakan untuk menghindari pemohon suaka yang lain dari datang, atau menghalang mereka yang telah memulakan tuntutan daripada meneruskannya, adalah tidak selaras dengan norma antarabangsa. Tambahan pula, penahanan tidak dibenarkan sebagai langkah punitif – contohnya, jenayah – atau sekatan pendisiplinan untuk kemasukan atau kehadiran haram dalam negara berkenaan.⁵⁴ Selain dari menjadi satu penalti di bawah Perkara 31 dalam Konvensyen 1951, ia mungkin juga menjadi hukuman kolektif yang menyalahi undang-undang hak-hak manusia antarabangsa.⁵⁵

Penahanan pemohon suaka atas alasan penyingkiran

33. Sebagai peraturan umum, adalah menyalahi undang-undang untuk menahan pemohon suaka dalam prosiding suaka yang masih berjalan dengan **alasan penyingkiran** memandangkan mereka tidak boleh dipindahkan sehingga keputusan muktamad untuk dakwaan mereka telah diputuskan. Penahanan untuk tujuan penyingkiran/pembuangan hanya boleh berlaku selepas permohonan suaka telah diputuskan dan ditolak.⁵⁶ Walau bagaimanapun, jika terdapat alasan untuk percaya bahawa pemohon suaka berkenaan telah membuat rayuan atau melancarkan tuntutan suaka hanya untuk melambatkan atau menafikan keputusan penyingkiran yang akan mengakibatkannya dipindahkan, pihak berkuasa boleh menimbangkan penahanan – seperti dianggap perlu dan wajar dalam setiap kes – bagi menghalang mereka melarikan diri, dikala tuntutan sedang dinilai.

GARIS PANDUAN 4.2:

Penahanan hanya boleh dilakukan apabila ia ditentukan sebagai perlu, munasabah dalam semua keadaan dan seimbang bagi tujuan yang sah

34. Keperluan, kewajaran dan kekadaran penahanan perlu dinilai dan ditentukan dalam setiap kes secara berasingan, dari permulaan serta sepanjang masa (lihat Garis Panduan 6). Keperluan menahan seseorang individu perlu dinilai berdasarkan kepada tujuan penahanan tersebut (lihat Garis Panduan 4.1), serta kewajaran secara menyeluruh berkenaan penahanan itu dalam semua keadaan, dan ia memerlukan penilaian apa-apa keperluan atau pertimbangan khusus dalam setiap kes (lihat Garis Panduan 9). Prinsip umum berkaitan kekadaran adalah keseimbangan antara kepentingan menghormati hak kebebasan dan keselamatan seseorang individu dan kebebasan bergerak, dan objektif dasar awam yang membataskan atau menafikan hak-hak ini.⁵⁷ Pihak berkuasa tidak seharusnya mengambil sebarang tindakan melebihi apa yang sebenarnya perlu untuk mencapai tujuan atau matlamat dalam setiap kes. Ujian keperluan dan kekadaran ini seterusnya memerlukan satu penilaian samada terdapat langkah-langkah lain yang lebih longgar (iaitu, alternatif kepada penahanan) yang mungkin boleh digunakan ke atas individu berkenaan dan yang akan berkesan dalam kes individu itu (lihat Garis Panduan 4.3 dan Lampiran A).

GARIS PANDUAN 4.3:

Alternatif kepada penahanan perlu dipertimbangkan

35. Pertimbangan bagi **alternatif kepada penahanan** – daripada syarta-syarat laporan ke penyeliaan komuniti yang berstruktur dan/atau program-program pengurusan kes (lihat Lampiran A) – adalah sebahagian daripada penilaian menyeluruh keperluan, kewajaran dan kekadaran penahanan (lihat Garis Panduan 4.2). Pertimbangan seperti itu memastikan penahanan pemohon suaka adalah sebagai langkah terakhir, bukannya yang pertama. Ia mestilah ditunjukkan bahawa berdasarkan keadaan tertentu pemohon suaka itu, tidak ada sebarang tekanan atau paksaan untuk mencapai matlamat yang sama.⁵⁸ Oleh itu, pertimbangan kesediaan, keberkesanan dan kesesuaian alternatif kepada penahanan dalam setiap kes perlu dilakukan.⁵⁹

36. Seperti penahanan, alternatif kepada penahanan juga perlu ditadbir oleh **undang-undang dan peraturan** bagi mengelak pengenaan sekatan secara sewenang-wenangnya terhadap kebebasan atau kebebasan untuk bergerak.⁶⁰ Prinsip undang-undang yang sah memerlukan peraturan yang sah berkenaan alternatif- alternatif ini (lihat Garis Panduan 3). Peraturan undang-undang sepatutnya boleh menentukan dan menjelaskan pelbagai alternatif yang boleh didapati, kriteria yang mentadbir penggunaannya, serta pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan.⁶¹
37. Alternatif kepada penahanan yang menyekat kebebasan pemohon suka boleh memberi kesan pada hak-hak manusia dan **tertakluk kepada piawaian hak asasi manusia**, termasuk semakan berkala untuk setiap kes oleh badan yang bebas.⁶² Individu yang tertakluk kepada alternatif ini perlu mempunyai akses pada masa yang bersesuaian kepada mekanisma aduan yang berkesan, jika diperlukan.⁶³ Alternatif kepada penahanan perlu diberikan bukan sahaja di atas kertas, tetapi ia perlu boleh digunakan secara praktikal.
38. Harus maklum, alternatif kepada penahanan **seharusnya tidak digunakan sebagai bentuk penahanan alternatif**; ataupun alternatif kepada penahanan menjadi alternatif kepada pelepasan. Tambahan pula, ia tidak sepatutnya menjadi ganti untuk aturan penerimaan terbuka normal yang tidak melibatkan sekatan ke atas kebebasan bergerak pemohon suka.⁶⁴
39. Dalam merangka alternatif kepada penahanan, ia adalah penting untuk negara berkenaan menimbangakan prinsip **campur tangan minima** dan memberi



Gambarajah 2⁶⁶

perhatian teliti bagi situasi khusus golongan tertentu seperti kanak-kanak, wanita hamil, warga tua, atau individu kurang upaya atau individu mengalami trauma (lihat Garis Panduan 9).⁶⁵

40. Alternatif terhadap penahanan boleh terjadi dalam **pelbagai bentuk**, bergantung pada keadaan tertentu individu, termasuk pendaftaran dan/atau deposit/penyerahan dokumen, bon/ikat jamin/jaminan, pelaporan bersyarat, pembebasan/penyeliaan komuniti, kediamanditetapkan, pemantauan elektronik, atau rumah berkurung (untuk penjelasan beberapa alternatif ini, lihat Lampiran A). Setiap satunya boleh melibatkan lebih atau kurang sekatan ke atas kebebasan bergerak atau kemerdekaan diri, dan tidak seragam dalam hal ini (lihat Gambarajah 2). Laporan melalui telefon dan penggunaan teknologi terkini yang lain boleh dilihat sebagai amalan yang baik, terutamanya bagi individu dengan kesukaran untuk bergerak,⁶⁷ bentuk lain pemantauan secara elektronik – seperti gelang di pergelangan tangan atau pergelangan kaki – adalah dianggap keras, disebabkan oleh stigma jenayah yang terdapat pada penggunaan alatan tersebut;⁶⁸ dan seboleh-bolehnya dielakkan.
41. Amalan-amalan terbaik menunjukkan bahawa cara alternatif didapati paling berkesan apabila pemohon suaka:
 - dilayan dengan bermaruah, berperikemanusiaan dan hormat sepanjang prosedur suaka;
 - dimaklumkan dengan jelas dan ringkas lagi lengkap pada peringkat awal tentang hak dan tanggungjawab mereka berkaitan alternatif kepada penahanan serta akibat ketakpatuhan;
 - diberi akses kepada nasihat perundangan di sepanjang prosedur suaka;
 - dibekalkan dengan barangan sokongan yang mencukupi, penginapan dan perkara-perkara penerimaan lain, atau akses ke cara-cara menyahadup sendiri (termasuk hak bekerja); dan
 - berupaya mendapatkan manfaat dari perkhidmatan pengurusan individu kes berkaitan permohonan suaka mereka (dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Lampiran A).⁶⁹
42. **Dokumentasi** ialah ciri keperluan bagi alternatif kepada program penahanan bagi memastikan agar pemohon suaka (dan semua anggota keluarga mereka) memiliki bukti akan hak mereka untuk tinggal di dalam masyarakat. Dokumentasi juga menjadi pelindung terhadap penahanan (semula); dan boleh memudahkan kemampuan pemohon suaka untuk menyewa kediaman, dan mengakses pekerjaan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan/atau perkhidmatan lain, di mana berkenaan.⁷⁰ Maklumat tambahan berkenaan pelbagai jenis alternatif kepada penahanan dan langkah-langkah lengkap lain dinyatakan di dalam Lampiran A.

GARIS PANDUAN 5:

Tiada diskriminasi dalam penahanan

43. Undang-undang antarabangsa melarang penahanan atau sekatan bergerak seseorang individu berdasarkan kaum, warna kulit, jantina, bahasa, agama, politik atau pandangan lain, kenegaraan atau asal sosial, harta, kelahiran atau status lain, seperti pemohon suaka atau status pelarian.⁷¹ Ini terpakai walaupun terdapat kekurangan sewaktu dalam keadaan kecemasan.⁷² Sesuatu negara boleh dikira bersalah dalam pertuduhan diskriminasi kaum jika mereka mengenakan penahanan kepada individu dengan “kewarganegaraan tertentu”.⁷³ Secara dasarnya, seseorang individu mempunyai hak untuk mencabar penahanannya dengan sebab dan alasan sedemikian; dan negara tersebut perlu menunjukkan bahawa terdapat asas yang objektif dan munasabah dalam membezakan antara warganegara dan bukan warganegara, atau membezakan sesama bukan warganegara.⁷⁴

GARIS PANDUAN 6:

Penahanan tanpa tempoh tertentu adalah sembarangan dan tempoh maksima penahanan perlu diperuntukkan di dalam undang-undang

44. Sebagaimana dinyatakan di dalam Garis Panduan 4.2, ujian perkadaran/perbandingan digunakan berkaitan kedua-dua arahan awal penahanan serta apa-apa pelanjutan penahanan. Tempoh penahanan boleh menjadikan suatu penahanan yang sah bertukar kepada penahanan yang tidak berkadar waktu atau tidak wajar, dan oleh yang demikian, penahanan tersebut adalah sembarangan/sewenang-wenangnya. Penahanan tanpa tempoh tertentu atas sebab imigrasi ialah penahanan sembarangan menurut undang-undang antarabangsa hak asasi manusia.⁷⁵
45. Pemohon suaka tidak seharusnya berada dalam tahanan lebih lama daripada yang sepatutnya; dan apabila justifikasi tidak lagi sah, pemohon suaka seharusnya dibebaskan dengan segera (Garis Panduan 4.1).⁷⁶
46. Bagi mengelakkan penahanan sewenang-wenangnya, tempoh maksima penahanan seharusnya disabitkan di dalam peruntukan undang-undang negara. Tanpa tempoh maksima, penahanan boleh berlarutan, dan dalam beberapa kes tiada sebarang had tempoh penahanan, termasuk terutamanya bagi pemohon suaka tanpa kewarganegaraan.⁷⁷ Tempoh maksima penahanan tidak boleh dipermainkan dengan mengarahkan pembebasan pemohon suaka lalu menahannya semula atas alasan yang serupa sejurus selepas pembebasan.

GARIS PANDUAN 7:

Keputusan untuk membuat penahanan atau lanjutan penahanan perlu tertakluk kepada prosedur minima perlindungan

47. Jika berhadapan dengan kebarangkalian untuk ditahan, juga semasa di dalam tahanan, pemohon suaka berhak kepada jaminan prosedur minima berikut:
- (i) dimaklumkan ketika penahanan, alasan-alasan yang menyebabkan penahanan,⁷⁸ dan hak mereka yang berkaitan dengan perintah, termasuk prosedur-prosedur semakan, dalam bahasa dan terma yang mereka fahami.⁷⁹
 - (ii) dimaklumkan hak untuk mendapatkan nasihat peguam. Bantuan guaman percuma patut disediakan di mana ia juga sedia untuk warganegara yang berada bersama,⁸⁰ dan sepatutnya diberikan secepat mungkin selepas penangkapan atau penahanan untuk membantu tahanan memahami hak-haknya. Komunikasi antara peguam dan pemohon suaka hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip kerahsiaan peguam-anak guam. Peguam perlu diberi akses kepada anak guamnya, kepada rekod berkenaan anak guam, dan dapat menemui anak guam dalam keadaan selamat dan persekitaran tertutup.
 - (iii) dibawa dengan segera kepada badan kehakiman atau pihak berkuasa bebas yang lain untuk semakan/mengkaji semula keputusan penahanan. Semakan ini sepatutnya dan sebaik-baiknya adalah secara automatik, dan berlaku awal dalam 24-48 jam daripada keputusan untuk menahan pemohon suaka. Badan yang membuat semakan ini mestilah bebas daripada pihak berkuasa yang membuat penahanan awal, dan mempunyai kuasa untuk memerintahkan pembebasan atau meminda syarat pembebasan.⁸¹
 - (iv) berikutan semakan awal penahanan, semakan berkala secara tetap berkenaan keperluan untuk menyambung penahanan di mahkamah atau satu badan bebas mesti diadakan, yang mana pemohon suaka dan wakilnya mempunyai hak hadir. Amalan baik menunjukkan berikutan pengesahan kehakiman awal berkenaan hak untuk membuat penahanan,

semakan perlu diadakan setiap tujuh hari hingga sebulan dan selepas itu setiap bulan sehingga tempoh maksima yang ditentukan oleh undang-undang.

- (v) tanpa mengira ulasan dalam (iii) dan (iv), samada secara sendiri atau melalui wakil, hak untuk mencabar kesahihan penahanan di mahkamah pada bila-bila masa perlu dihormati.⁸² Beban pembuktian untuk mengatakan penahanan adalah sah terletak ke atas pihak berkuasa yang berkenaan. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan 4, pihak berkuasa perlu membuktikan bahawa terdapat satu asas undang-undang untuk penahanan yang sedang dibicarakan, bahawa penahanan tersebut adalah dijustifikasikan mengikut prinsip keperluan, kewajaran dan kekadaran, dan cara lain yang kurang menceroboh hak atau intrusif untuk mencapai tujuan yang sama telah dipertimbangkan dalam setiap kes.
- (vi) Individu di dalam tahanan mesti diberikan akses kepada prosedur-prosedur suaka, dan penahanan tidak harus menjadi halangan kepada pemohon suaka untuk meneruskan permohonan suaka.⁸³ Akses kepada prosedur-prosedur suaka mestilah realistik dan berkesan, termasuk tempoh waktu untuk memberikan bahan sokongan bersesuaian untuk seseorang di dalam tahanan, dan akses kepada bantuan perundangan dan linguistik patut disediakan.⁸⁴ Penting juga bagi pemohon suaka yang berada di dalam tahanan diberikan maklumat perundangan yang tepat tentang proses suaka dan hak mereka.
- (vii) untuk menghubungi dan dihubungi oleh UNHCR.⁸⁵ Akses kepada badan-badan lain, seperti badan pelarian kebangsaan atau agensi-agensi lain, termasuk pejabat-pejabat *ombudsman*, suruhanjaya hak asasi manusia atau NGO, sepatutnya wujud sebagaimana bersesuaian. Hak untuk berkomunikasi dengan wakil-wakil ini secara tertutup, dan mekanisme untuk membuat hubungan sedemikian, sepatutnya tersedia.
- (viii) perlindungan data umum dan prinsip-prinsip kerahsiaan mesti dihormati berkaitan maklumat tentang pemohon suaka, termasuk perihal kesihatan.
- (ix) Buta huruf seharusnya dikenal pasti diperingkat awal dan mekanisme yang membolehkan pemohon suaka yang buta huruf membuat “kemukaan” sepatutnya disediakan, seperti permintaan untuk bertemu peguam, doktor, pelawat, ataupun membuat aduan.⁸⁶

GARIS PANDUAN 8:

Terma dan syarat penahanan perlu bersifat perikemanusiaan dan menjaga maruah

48. Jika ditahan, pemohon suaka berhak kepada syarat minima penahanan seperti berikut:
- (i) Penahanan yang sah hanya boleh di tempat-tempat yang secara rasminya diiktiraf sebagai tempat penahanan. Penahanan di dalam lokap polis adalah tidak wajar.⁸⁷
 - (ii) Pemohon suaka perlu dilayan dengan maruah terjaga dan selaras dengan piawaian antarabangsa.⁸⁸
 - (iii) Penahanan pemohon suaka untuk sebab-sebab yang berkaitan imigrasi **tidak sepatutnya menjadi suatu penahanan yang membebankan**.⁸⁹ Penggunaan penjara, lokap, dan kemudahan lain yang direka atau yang beroperasi sebagai penjara atau lokap, sepatutnya dielakkan. Jika pemohon suaka ditahan di tempat tersebut, mereka sepatutnya diasingkan daripada penghuni penjara yang lain.⁹⁰ Piawaian jenayah (seperti memakai pakaian seragam banduan atau pengongkongan/perantaraan) adalah tidak wajar atau bersesuaian.
 - (iv) Nama tahanan dan lokasi penahanan mereka, serta nama individu yang bertanggungjawab dalam penahanan mereka, perlu disimpan di dalam **rekod pendaftaran** yang mudah didapati dan boleh dicapai kepada mereka yang berkenaan, termasuk saudara-mara dan peguam. Akses kepada rekod dan maklumat ini, bagaimanapun, perlu diseimbangkan dengan isu kerahsiaan.
 - (v) Dalam kemudahan yang melibatkan kedua-dua jantina, lelaki dan wanita harus **diasingkan** melainkan mereka daripada keluarga yang sama. Kanak-kanak juga harus disingkan daripada individu dewasa melainkan mereka adalah saudara-mara.⁹¹ Jika boleh, penginapan untuk keluarga sepatutnya diperuntukkan. Penginapan keluarga boleh menghalang keluarga (terutamanya bapa dalam perjalanan bersendirian dengan anak-anak) daripada dimasukkan kurungan bersendirian jika tiada alternatif lain.

- (vi) **Rawatan perubatan yang bersesuaian perlu disediakan apabila diperlukan**, termasuk kaunseling psikologi. Tahanan yang memerlukan rawatan perubatan seharusnya dipindahkan ke fasiliti bersesuaian atau dirawat di tempat di mana kemudahan rawatan disediakan. Pemeriksaan kesihatan dan mental seharusnya ditawarkan kepada tahanan seberapa segera yang mungkin selepas ketibaan, dan dikendalikan oleh profesional perubatan yang layak. Ketika di dalam tahanan, orang tahanan harus menerima penilaian kesihatan secara berkala ke atas keadaan fizikal dan mental mereka. Ramai tahanan mengalami kesan fizikal dan psikologikal akibat daripada penahanan mereka, dan oleh itu penilaian berkala sepatutnya dijalankan walaupun mereka tidak menunjukkan tanda-tanda sedemikian ketika tiba. Apabila kebimbangan terhadap kesihatan atau mental terjadi atau berlarutan ketika di dalam penahanan, tahanan yang berkenaan perlu diberi rawatan dan penjagaan yang sesuai, termasuk pertimbangan untuk dibebaskan.
- (vii) Pemohon suaka di dalam tahanan sepatutnya boleh **berkomunikasi secara biasa** (termasuk melalui telefon atau internet, apabila bersesuaian) dan menerima lawatan daripada **saudara mara, rakan, serta pertubuhan keagamaan, antarabangsa dan/atau badan bukan kerajaan**, jika mereka berkehendakan. Akses kepada dan oleh UNHCR mesti dijamin. Kemudahan perlu disediakan bagi membolehkan lawatan sedemikian. Lawatan sedemikian sepatutnya berlaku secara sulit atau tertutup, melainkan terdapat sebab yang memaksa dan relevan dengan isu keselamatan, yang membolehkan sebaliknya.
- (viii) Peluang menjalankan **aktiviti berbentuk fizikal** samada melalui aktiviti rekreasi dalaman dan luaran perlu disediakan; serta akses untuk ruang luar yang bersesuaian, termasuk udara segar dan cahaya semula jadi. Aktiviti yang menjurus kepada kaum wanita dan kanak-kanak, dan mengambil kira faktor budaya, juga diperlukan.⁹²
- (ix) Hak untuk **beramal dengan agama** sendiri perlu diberi perhatian.
- (x) **Keperluan asas** seperti katil, alas/selimut sesuai mengikut musim, kemudahan mandi, kelengkapan asas dandanan diri, dan pakaian yang bersih, perlu disediakan kepada pemohon suaka di dalam tahanan. Mereka sepatutnya berhak memakai pakaian sendiri, dan privasi untuk mandi dan menggunakan tandas, mengikut kesesuaian pengurusan keselamatan pusat berkenaan.
- (xi) **Makanan berkhasiat** yang sesuai dengan umur, taraf kesihatan, dan kebudayaan/latarbelakang agama, perlu diberi. Diet khas untuk wanita mengandung atau wanita yang menyusukan anak juga sepatutnya disediakan.⁹³ Kawasan atau pusat di mana makanan disediakan dan dimakan perlu menghormati peraturan asas kesihatan dan kebersihan.

- (xii) Pemohon suaka sepatutnya mempunyai **akses kepada bahan bacaan dan maklumat terkini**, apabila bersesuaian (contohnya melalui surat khabar, internet, dan televisyen)
- (xiii) Pemohon suaka sepatutnya mempunyai akses kepada **pendidikan dan/atau latihan vokasional, yang bersesuaian dengan tempoh tahanan mereka**. Kanak-kanak, tanpa mengambil kira status atau tempoh tahanan, seharusnya mempunyai hak, sekurang-kurangnya, kepada pendidikan awal.⁹⁴ Sebolehnya, kanak-kanak diberi pendidikan di luar kawasan tahanan, iaitu di sekolah tempatan.
- (xiv) Pemindahan kerap pemohon suaka dari suatu pusat penahanan ke pusat yang lain sepatutnya dielakkan, lebih-lebih lagi kerana ia boleh menghalang akses kepada atau perhubungan dengan wakil sah.
- (xv) **Mekanisme untuk membuat aduan** (atau tatacara peluahan), tanpa diskriminasi, perlu disediakan,⁹⁵ yang mana aduan boleh diserahkan samada secara terus atau secara rahsia kepada pegawai penahanan, juga kepada agensi bebas yang lain. Prosedur untuk membuat aduan, termasuk had masa dan prosedur rayuan, harus dipamerkan dan tersedia untuk tahanan dalam pelbagai bahasa.
- (xvi) Semua kakitangan yang bekerja dengan tahanan harus menerima **latihan yang bersesuaian**, termasuk berkaitan suaka, keganasan seksual atau yang berasaskan jantina,⁹⁶ pengenalpastian simptom trauma dan/atau tekanan, dan piawaian hak asasi manusia dan pelarian berkaitan penahanan. Nisbah kakitangan dan tahanan perlu memenuhi piawaian antarabangsa;⁹⁷ dan kod tatacara/etika harus ditandatangani dan dipatuhi.
- (xvii) Bagi kontraktor swasta, mengikat mereka kepada kewajiban statutori iaitu mengambil kira kebajikan tahanan telah dikenal pasti sebagai amalan yang baik. Walau bagaimanapun, ia juga jelas bahawa pihak berkuasa kebangsaan yang bertanggungjawab tidak boleh memindahkan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang pelarian antarabangsa atau hak asasi manusia dan kekal bertanggungjawab berdasarkan kepada undang-undang antarabangsa. Oleh sebab itu, pihak negara perlu memastikan bahawa mereka boleh secara berkesan menyelia aktiviti-aktiviti kontraktor swasta, termasuk melalui pemantauan bebas yang mencukupi dan mekanisme ketanggungjawaban, termasuk penamatan kontrak atau perjanjian kerja lain di mana kewajiban penjagaan tidak dipenuhi.⁹⁸
- (xviii) Bayi yang dilahirkan dalam tahanan hendaklah didaftarkan segera selepas kelahiran selaras dengan piawaian antarabangsa dan diberi sijil kelahiran.⁹⁹

GARIS PANDUAN 9:

Keperluan khusus atau keadaan tertentu seseorang pemohon suaka perlu diberi perhatian

GARIS PANDUAN 9.1:

Mangsa trauma atau penganiayaan

49. Oleh kerana pengalaman dalam memohon suaka, dan peristiwa-peristiwa trauma yang sering menggesa-gesakan keberangkatan, pemohon suaka akan hadir dengan gangguan psikologikal, trauma, kemurungan, kekecamukan, keganasan, dan akibat-akibat lain dari segi emosi, fizikal dan psikologikal. Faktor-faktor sedemikian hendaklah dipertimbangkan dalam membuat penilaian berkenaan keperluan penahanan (lihat Garis Panduan 4). Mangsa penganiayaan dan keganasan serius yang lain secara seksual, fizikal atau psikologikal juga memerlukan perhatian khas dan sepatutnya pada umumnya tidak ditahan.
50. Penahanan boleh dan telah terbukti bahawa ia memburukkan malah menyebabkan penyakit-penyakit dan simptom-simptom tersebut di atas.¹⁰⁰ Ini boleh terjadi sekalipun individu tersebut tiba tanpa sebarang penyakit atau simptom pada masa penahanan.¹⁰¹ Oleh kerana kesan yang serius lanjutan daripada penahanan, penilaian awal dan berkala berkenaan dengan keadaan mental dan fizikal tahanan adalah perlu, dan dilaksanakan oleh pengamal perubatan yang layak. Rawatan sesuai perlu disediakan bagi tahanan sedemikian, dan laporan perubatan perlu diadakan untuk semakan berkala semasa penahanan mereka.

Kanak-kanak

51. Prinsip umum berkaitan dengan penahanan yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini juga terpakai kepada kanak-kanak,¹⁰² yang mana sepatutnya pada prinsip, tidak wajar ditahan langsung. *United Nations Convention on the Rights of the Child (CRC)* menetapkan kewajiban guaman antarabangsa khusus berkaitan dengan kanak-kanak dan menyatakan beberapa prinsip panduan mengenai perlindungan kanak-kanak:

- **Kepentingan terbaik bagi kanak-kanak** menjadi pertimbangan utama dalam semua tindakan yang memberi kesan kepada kanak-kanak, termasuk pelarian dan pemohon suaka kanak-kanak (Artikel 3 berkaitan Perkara 22, CRC).
- **Tiada diskriminasi** atas alasan kaum, warna kulit, jantina, bahasa, agama, politik atau pandangan lain, kewarganegaraan, asal etnik atau sosial, harta, kecacatan, kelahiran atau status lain, atau berdasarkan status, aktiviti, menyatakan pendapat, atau kepercayaan ibubapa, penjaga yang sah atau anggota keluarga kanak-kanak tersebut (Artikel 2, CRC).
- Setiap kanak-kanak mempunyai **hak asas untuk hidup, kelangsungan hidup dan perkembangan** ke tahap maksima yang mungkin (Artikel 6, CRC).
- Kanak-kanak sepatutnya dijamin **hak untuk menyatakan pendapat mereka secara bebas** dan pendapat mereka seharusnya diberikan “pertimbangan wajar” sejajar dengan umur dan tahap kematangan kanak-kanak tersebut (Artikel 12, CRC).¹⁰³
- Kanak-kanak mempunyai hak kepada **perpaduan keluarga** (antara lain, Articles 5, 8 dan 16, CRC) dan hak untuk tidak dipisahkan daripada ibubapa mereka tanpa kerelaan (Artikel 9, CRC). Artikel 20(1) CRC menyatakan bahawa kanak-kanak yang dinafikan persekitaran bersama keluarganya, samada buat sementara atau selama-lamanya, atau demi kebajikannya, tidak boleh dibiarkan kekal di persekitaran itu, seharusnya **berhak kepada perlindungan khas dan bantuan** yang disediakan oleh negara berkenaan.
- Artikel 20(2) dan (3) CRC menghendaki pihak berkuasa negara, sejajar dengan undang-undang negara mereka, **memastikan penjagaan alternatif untuk kanak-kanak sedemikian**. Penjagaan sedemikian adalah termasuk, *antara lain*, penempatan dalam keluarga angkat atau, jika perlu, penempatan dalam institusi sesuai untuk penjagaan kanak-

kanak. Apabila mempertimbangkan pilihan yang ada, perhatian sewajar perlu diberikan kepada kehendak kesinambungan pendidikan seseorang kanak-kanak dan juga latar belakang linguistik, etnik, keagamaan dan kebudayaan kanak-kanak itu.

- Artikel 22 CRC menghendaki pihak berkuasa negara mengambil langkah-langkah berpatutan untuk memastikan kanak-kanak yang ingin mendapatkan status pelarian atau yang diiktiraf sebagai pelarian, samada ditemani atau tidak, **menerima perlindungan dan bantuan yang sesuai.**
 - Artikel 37 CRC menghendaki pihak berkuasa negara memastikan bahawa **penahanan kanak-kanak hanya digunakan sebagai langkah terakhir** dan untuk **tempoh masa paling singkat yang berpatutan.**
 - Jika memisahkan kanak-kanak daripada ibubapa mereka tidak dapat dielakkan dalam konteks penahanan, maka kedua-dua ibubapa dan kanak-kanak tersebut berhak mengetahui maklumat penting daripada pihak berkuasa negara berkenaan lokasi pihak yang lagi satu, melainkan maklumat tersebut jelas memudaratkan kanak-kanak berkenaan, (Perkara 9(4)CRC).
52. **Secara keseluruhannya etika penjagaan** – dan bukan penguatkuasaan – perlu mengarahkan interaksi dengan pemohon suaka kanak-kanak termasuk kanak-kanak dalam keluarga, dengan kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut sebagai pertimbangan utama. **Kelemahan langsung kanak-kanak mendapat keutamaan daripada status sebagai “pendatang asing tanpa izin”.**¹⁰⁴ Negara-negara sepatutnya *“menggunakan, dalam rangka sistem-sistem perlindungan kanak-kanak masing-masing, prosedur yang sesuai untuk menentukan kepentingan terbaik kanak-kanak itu, yang memudahkan secukupnya penyertaan kanak-kanak tersebut tanpa diskriminasi, di mana pandangan kanak-kanak itu diberi pertimbangan yang wajar, sejajar dengan umur dan kematangan, di mana pembuat keputusan dengan bidang kepakaran relevan terlibat, dan di mana terdapat keseimbangan semua faktor berkaitan dalam membuat penilaian untuk pilihan terbaik.”*¹⁰⁵
53. Semua aturan penjagaan alternatif yang sesuai seharusnya dipertimbangkan dalam kes **kanak-kanak yang bersama ibubapa mereka**, tidak kurang kerana telah didokumenkan kesan yang memudaratkan akibat penahanan pada kesejahteraan kanak-kanak, termasuk pada perkembangan fizikal dan mental mereka. Penahanan kanak-kanak dengan ibu bapa atau penjaga utama mereka perlu diseimbangkan dengan, antara lain, hak berkeluarga dan kehidupan peribadi keluarga secara keseluruhannya, kesesuaian pusat penahanan terbabit untuk kanak-kanak,¹⁰⁶ dan kepentingan terbaik kanak-kanak itu.

54. Secara umum, **kanak-kanak yang tidak ditemani atau kanak-kanak yang terpisah** tidak patut ditahan. Penahanan tidak boleh dijustifikasikan semata-mata kerana kanak-kanak tersebut tidak ditemani atau terpisah, atau berdasarkan status penghijrahan atau pendudukan kanak-kanak tersebut.¹⁰⁷ Jika berkenaan, kanak-kanak seharusnya dilepaskan ke dalam penjagaan anggota keluarga yang telah mendapat tempat tinggal dalam negara suaka. Jika ini tidak boleh, aturan perlindungan alternatif, seperti penempatan dalam keluarga angkat atau kediaman sesuai, sepatutnya dibuat oleh pihak berkuasa, dengan memastikan kanak-kanak tersebut menerima penyeliaan yang sesuai. Kediaman atau penempatan dalam keluarga angkat perlu untuk membenarkan perkembangan kanak-kanak tersebut (kedua-dua aspek, fizikal dan mental) sementara penyelesaian jangka panjang dipertimbangkan.¹⁰⁸ Tujuan utama perlu berasaskan kepada kepentingan terbaik kanak-kanak itu.
55. Menentukan penilaian umur yang tepat bagi pemohon suaka kanak-kanak adalah cabaran khusus dalam pelbagai keadaan, yang memerlukan penggunaan kaedah penilaian yang bersesuaian lagi menghormati piawai hak asasi individu.¹⁰⁹ Penilaian umur yang tidak tepat boleh menyebabkan penahanan kanak-kanak secara sewenang-wenangnya.¹¹⁰ Ia boleh juga menjurus kepada penahanan orang dewasa bersekali dengan kanak-kanak. Tempat tinggal yang bersesuaian umur dan jantina perlu disediakan.
56. Kanak-kanak yang ditahan mendapat **jaminan-jaminan tatacara minima** yang sama seperti orang dewasa, tetapi disesuaikan mengikut keperluan tertentu mereka (lihat Garis Panduan 9). **Penjaga yang bebas dan layak serta penasihat guaman** harus dilantik untuk kanak-kanak yang tidak ditemani atau bersendirian.¹¹¹ Semasa penahanan, kanak-kanak mempunyai hak kepada pendidikan yang mana sebaiknya mengambil tempat di luar pusat penahanan bagi memudahkan kesinambungan pendidikan apabila mereka dibebaskan. Peruntukan seharusnya diberikan untuk tujuan **rekreasi dan permainan kanak-kanak**, termasuk dengan kanak-kanak lain, yang mana ini penting untuk perkembangan mental seorang kanak-kanak dan akan mengurangkan tekanan dan trauma (lihat juga Garis Panduan 8).
57. Semua usaha, termasuk keutamaan dalam pemprosesan suaka, sepatutnya dibuat untuk membolehkan pembebasan segera kanak-kanak daripada penahanan dan penempatan mereka dalam bentuk penginapan lain yang bersesuaian.¹¹²

GARIS PANDUAN 9.3:

Wanita

58. Secara umumnya, wanita hamil dan ibu yang sedang menyusu, yang mana kedua-duanya mempunyai keperluan khas, tidak sepatutnya ditahan.¹¹³ Aturan alternatif harus mengambil kira keperluan tertentu wanita, termasuk perlindungan daripada keganasan dan eksploitasi berasaskan jantina dan seksual.¹¹⁴ Alternatif kepada penahanan perlu digunakan terutamanya apabila kemudahan berasingan untuk wanita dan/atau keluarga tidak disediakan.
59. Sekiranya penahanan tidak dapat dielakkan bagi pemohon suaka wanita, kemudahan dan barangan khusus diperlukan bagi memenuhi keperluan kesihatan kaum wanita.¹¹⁵ Pengawal-pengawal wanita dan warden-warden wanita sepatutnya ditugaskan.¹¹⁶ Semua kakitangan dan pekerja yang berkerja dengan tahanan wanita harus menerima latihan berkaitan keperluan-keperluan khusus jantina dan hak asasi manusia untuk kaum wanita.¹¹⁷
60. Pemohon suaka wanita dalam tahanan yang melaporkan penderaan perlu diberi perlindungan serta-merta serta sokongan dan kaunseling, dan dakwaan mereka mesti disiasat oleh pihak berkuasa yang cekap dan bebas, dengan menghormati sepenuhnya prinsip kerahsiaan, termasuk di mana wanita ditahan bersama dengan suami /rakan/saudara-mara lain. Langkah perlindungan seharusnya mengambil kira secara spesifik risiko tindak balasan.¹¹⁸
61. Pemohon suaka wanita di dalam tahanan yang telah melalui penderaan seksual perlu mendapat rawatan perubatan dan kaunseling yang sesuai, termasuk jika hamil perlu diberikan penjagaan kesihatan mental dan fizikal, sokongan dan bantuan guaman yang sepatutnya.¹¹⁹

GARIS PANDUAN 9.4:

Mangsa atau mangsa potensi penyeludupan

62. Pencegahan daripada penyeludupan atau penyeludupan semula tidak boleh digunakan sebagai alasan umum bagi penahanan, melainkan ia dapat dijustifikasikan dalam kes individu (lihat Garis Panduan 4.1). Alternatif kepada penahanan, termasuk rumah selamat dan aturan penjagaan lain, kadangkala perlu untuk mangsa atau mangsa potensi, termasuk khususnya kanak-kanak.¹²⁰

GARIS PANDUAN 9.5:

Pemohon suaka dengan keistimewaan

63. Pemohon Suaka dengan keistimewaan atau kekurangan, mesti diberi hak seperti yang terdapat di dalam Garis Panduan ini, tanpa sebarang diskriminasi. Ini boleh menyebabkan negara berkenaan membuat “penginapan berpatutan” atau meminda polisi penahanan dan amalan untuk memenuhi keperluan khusus mereka.¹²¹ Pengenalpastian dan pendaftaran yang cepat dan sistematik tahanan sedemikian adalah perlu untuk mengelak penahanan sewenang-wenangnya;¹²² dan alternatif mungkin perlu mengikut keperluan khusus mereka, seperti laporan melalui telefon untuk orang dengan kekangan fizikal. Secara umumnya, pemohon suaka dengan kekurangan fizikal, mental, intelektual atau deria tidak patut ditahan.¹²³ selain itu, prosiding imigresen perlu diakses oleh individu kurang upaya, termasuk di mana ia diperlukan untuk memudahkan hak mereka dalam kebebasan bergerak.¹²⁴

GARIS PANDUAN 9.6:

Pemohon suaka yang berusia

64. Pemohon suaka yang berusia memerlukan perhatian dan bantuan khas disebabkan oleh usia, kelemahan, kurangupaya bergerak, kesihatan fizikal atau psikologikal, atau keadaan lain. Tanpa penjagaan dan bantuan sedemikian, penahanan mereka boleh menyalahi undang-undang. Kaedah alternatif perlu mengambil kira keadaan tertentu mereka, termasuk kesejahteraan fizikal dan mental.¹²⁵



GARIS PANDUAN 9.7:

Pemohon suaka lesbian, gay, biseks, transgender atau interseks

65. Langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan bahawa, mana-mana penahanan pemohon suaka lesbian, gay, biseks, transgender atau interseks, adalah terhindar daripada risiko keganasan, penganiayaan atau penderaan seksual, fizikal atau mental; mereka mempunyai akses kepada rawatan perubatan dan kaunseling yang bersesuaian, yang mana berkenaan; dan kakitangan penahanan dan semua pegawai lain dalam sektor awam dan swasta yang terlibat di pusat-pusat tahanan adalah dilatih dan berkecukupan mengenai piawai hak-hak asasi manusia antarabangsa dan prinsip kesamaan dan tanpa diskriminasi, termasuk yang berkaitan dengan orientasi seksual atau identiti jantina.¹²⁶ Jika keselamatan mereka tidak boleh dijamin semasa dalam tahanan, pembebasan atau rujukan kepada alternatif kepada penahanan hendaklah dipertimbangkan. Dalam hal ini, kurungan bersendirian bukan cara yang sesuai untuk menguruskan atau memastikan perlindungan individu sedemikian.

GARIS PANDUAN 10:

Penahanan haruslah tertakluk kepada pemantauan dan pemeriksaan bebas

66. Bagi memastikan sistem tahanan imigrasi mematuhi prinsip undang-undang antarabangsa, adalah penting supaya pusat-pusat tahanan imigresen dibuka untuk pemeriksaan dan pemantauan oleh badan-badan dan institusi-institusi bebas kebangsaan dan antarabangsa.¹²⁷ Ini boleh meliputi lawatan berkala ke atas para tahanan, menghormati prinsip kerahsiaan dan privasi, atau lawatan pemeriksaan mengejut. Selaras dengan kewajiban Perjanjian, dan piawaian perlindungan antarabangsa yang berkaitan, akses oleh UNHCR¹²⁸ dan badan-badan antarabangsa dan serantau lain berkenaan mandat yang berkaitan dengan penahanan atau layanan berperikemanusiaan¹²⁹ perlulah dilakukan. Akses kepada penggerak masyarakat sivil dan NGO bagi tujuan pemantauan juga hendaklah diusahakan, sebagaimana yang sesuai. Penilaian dan pemantauan yang bebas dan telus merupakan aspek penting dalam mana-mana program alternatif.¹³⁰
67. Berkenaan dengan pemantauan keadaan tahanan dan layanan terhadap tahanan wanita, mana-mana badan pemantauan hendaklah mempunyai ahli-ahli wanita.¹³¹

Alternatif kepada Penahanan

Terdapat pelbagai alternatif kepada penahanan, yang dinyatakan di bawah. Ada yang digunakan secara kombinasi, dan seperti yang ditunjukkan dalam teks utama, sebahagiannya mengenakan sekatan lebih besar ke atas kemerdekaan individu atau kebebasan bergerak daripada yang lain. Senarai ini tidak lengkap.

- (i) **Deposit atau penyerahan dokumen:** Pemohon suaka mungkin diperlukan untuk menandatangani atau menyerahkan dokumen identiti dan/atau perjalanan (seperti pasport). Dalam kes sedemikian, individu itu perlu diberikan dokumentasi gantian yang membenarkan mereka berada di dalam wilayah dan/atau dilepaskan ke dalam masyarakat.¹³²
- (ii) **Syarat-syarat Laporan:** Laporan berkala dengan imigresen atau pihak berkuasa lain (contohnya, polis) boleh menjadi syarat yang dikenakan ke atas pemohon suaka tertentu semasa prosedur penentuan status. Laporan seperti itu boleh menjadi berkala, atau dijadualkan sekitar perbicaraan suaka dan/atau janji temu rasmi yang lain. Laporan mungkin juga kepada NGO atau kontraktor swasta di dalam aturan pengawasan masyarakat (lihat vii).

Walau bagaimanapun, syarat-syarat pelaporan yang terlalu membebankan boleh membawa kepada ketidakpatuhan dan boleh mengakibatkan individu yang bersetuju untuk mematuhi malahan gagal. Pelaporan, sebagai contoh, yang memerlukan individu dan/atau keluarganya berperjalanan jauh dan/atau dengan perbelanjaan mereka sendiri boleh membawa kepada kegagalan kerjasama kerana ketidakupayaan untuk memenuhi syarat-syarat, dan mendiskriminasi secara tidak adil berdasarkan kedudukan ekonomi.¹³³

Kekerapan kewajiban pelaporan akan berkurangan dari masa ke semasa – samada secara automatik atau atas permintaan – untuk memastikan bahawa mana-mana syarat yang dikenakan terus memenuhi ujian keperluan, kewajaran dan perkadaran. Sebarang peningkatan dalam syarat-syarat pelaporan atau sekatan tambahan lain perlulah berpatutan terhadap objektif yang hendak dicapai, dan berdasarkan

penilaian objektif dan individu ke atas peningkatan risiko menghilangkan diri, sebagai contoh.

- (iii) **Kediaman Diarahkan:** Pemohon suaka boleh dilepaskan dengan syarat mereka diarahkan tinggal di alamat yang tertentu atau dalam wilayah pentadbiran tertentu sehingga status mereka ditentukan. Pemohon suaka juga mungkin dikehendaki mendapatkan kelulusan terlebih dahulu jika mereka ingin keluar dari wilayah pentadbiran yang ditetapkan; atau memaklumkan kepada pihak berkuasa jika mereka menukar alamat dalam kawasan pentadbiran yang sama. Usaha perlu dibuat untuk meluluskan pemastautinan yang memudahkan penyatuan semula keluarga atau mendekati diri kepada saudara-mara,¹³⁴ dan/ atau rangkaian sokongan yang lain. Syarat bermastautin juga mungkin melibatkan kediaman di pusat penerimaan atau suaka terbuka yang ditetapkan, tertakluk kepada peraturan pusat tersebut (lihat iv).
- (iv) **Kediaman di pusat penerimaan atau suaka terbuka atau separa terbuka:** Pembebasan ke pusat penerimaan atau suaka terbuka atau separa-terbuka dengan syarat menetap di alamat tersebut adalah satu lagi bentuk kediaman diarahkan (lihat di atas iii). Pusat separa-terbuka boleh mengenakan beberapa syarat dan peraturan bagi pentadbiran yang baik, seperti perintah berkurung dan/atau mendaftar keluar dan masuk ke pusat. Kebebasan bergerak umum di dalam dan di luar pusat, bagaimanapun, harus dipatuhi untuk memastikan bahawa ia tidak menjadi satu bentuk penahanan.
- (v) **Penyediaan penjamin:** Satu lagi aturan alternatif adalah dengan pemohon suaka menyediakan penjamin/jaminan yang akan bertanggungjawab untuk memastikan kehadiran mereka di temujanji rasmi dan perbicaraan, atau melaporkan diri sebagaimana yang dinyatakan dalam mana-mana syarat-syarat pembebasan. Kegagalan untuk hadir boleh membawa kepada penalti – kemungkinan besar pelucutan sejumlah wang jaminan – yang dikenakan terhadap penjamin. Penjamin, sebagai contoh, boleh jadi daripada kalangan ahli keluarga, NGO atau kumpulan masyarakat.
- (vi) **Pelepasan dengan ikat jamin/bon:** Alternatif ini membolehkan pemohon suaka yang telah ditahan untuk memohon dilepaskan dengan ikat jamin. Mana-mana syarat yang disebut di atas (ii) – (v) boleh dikenakan. Ikat jamin hendaklah benar-benar tersedia untuk pemohon suaka di mana perbicaraan jaminan sebaik-baiknya automatik. Sebagai alternatif, pemohon suaka perlu dimaklumkan mengenai ketersediaan alternatif ini dan ia mestilah boleh dicapai dan efektif. Akses kepada penasihat undang-undang adalah satu komponen penting dalam membuat jaminan. Jumlah ikat jamin/bon yang ditetapkan mestilah munasabah

berdasarkan keadaan tertentu pemohon suaka, dan tidak boleh begitu tinggi sehingga menjadikan sistem jaminan sekadar teori.

Sistem ikat jamin/bon dan penjamin cenderung mendiskriminasi terhadap individu yang mempunyai dana yang terhad, atau mereka yang tidak mempunyai hubungan sebelumnya di dalam masyarakat. Akibatnya, di mana sistem jaminan/bon dan penjamin wujud, kerajaan digalakkan untuk meneroka pilihan yang tidak memerlukan pemohon suaka untuk menyerahkan sebarang dana. Mereka boleh, sebagai contoh, “dijaminkan” kepada NGO – samada kepada NGO yang bertindak sebagai penjamin (lihat v di atas) – atau di bawah perjanjian dengan kerajaan.¹³⁵ Pengelakan daripada penyalahgunaan dan/atau eksploitasi, seperti pemeriksaan dan pengawasan, juga perlu diwujudkan dalam sistem ini yang melibatkan NGO dan lain-lain. Dalam semua kes, apa yang perlu dinilai ialah samada pembayaran bon atau penetapan penjamin adalah perlu untuk memastikan kepatuhan dalam kes individu. Secara sistematiknya memerlukan pemohon suaka membayar bon dan/atau untuk menetapkan penjamin, yang mana kegagalan berbuat demikian mengakibatkan penahanan (atau penyambungannya), memperlihatkan bahawa sistem ini dibuat sewenang-wenangnya dan tidak disesuaikan dengan keadaan individu.

- (vii) **Pengaturan penyeliaan masyarakat:** pengaturan penyeliaan masyarakat merujuk kepada pelbagai amalan di mana individu dan keluarga dibebaskan ke dalam masyarakat, dengan setahap sokongan dan bimbingan (iaitu, “penyeliaan”). Pengaturan sokongan boleh merangkumi sokongan dalam mencari tempat penginapan tempatan, sekolah, atau kerja; atau, dalam kes-kes lain, peruntukan langsung barangan, bayaran kebajikan sosial, atau perkhidmatan lain. Aspek “penyeliaan” mungkin mengambil tempat di dalam pusat penerimaan atau suaka terbuka atau separa-terbuka, atau di bangunan-bangunan pembekal perkhidmatan yang berkaitan sementara individu itu tinggal bebas dalam masyarakat. Penyeliaan boleh menjadi syarat untuk pembebasan pemohon suaka dan mungkin melibatkan pelaporan terus kepada pembekal perkhidmatan, atau alternatifnya, kepada pihak imigresen atau pihak berkuasa lain yang berkaitan. (lihat ii).

Penyeliaan boleh juga menjadi tidak wajib, yang mana seseorang individu dimaklumkan tentang perkhidmatan yang ada untuk mereka tanpa sebarang kewajipan untuk menyertainya. Penyeliaan masyarakat boleh juga melibatkan pengurusan kes (lihat seterusnya).

Langkah-langkah pelengkap dan lain-lain pertimbangan

Pengurusan kes

Pengurusan kes telah dikenal pasti sebagai satu komponen penting dalam beberapa dasar dan program alternatif terhadap penahanan yang berjaya, dan juga sebagai satu aspek yang baik bagi sistem pemohon suaka. Pengurusan kes merupakan sebuah strategi untuk menyokong dan menguruskan individu dan tuntutan suaka mereka semasa status mereka dipertimbangkan, dengan memberi tumpuan kepada keputusan bermaklum, dan resolusi status yang adil dan tepat pada masanya serta menambahbaik mekanisme daya tahan dan kesejahteraan individu.¹³⁶ Dasar-dasar tersebut telah membawa kepada keterlibatan yang membina terhadap proses suaka, dan menambahbaik dalam kadar pematuhan/kerjasama.

Pengurusan kes adalah sebahagian daripada proses yang bersepadu, bermula pada peringkat awal dalam proses suaka dan berterusan sehingga status pelarian atau pemastautin lain yang sah diberikan, atau dihantar pulang. Konsepnya adalah setiap pemohon suaka diberikan “pengurus kes” yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan kes mereka, serta memberikan maklumat yang jelas dan konsisten dan nasihat mengenai proses suaka (serta lain-lain proses penghijrahan dan/atau pulang, sebagaimana berkenaan), dan juga tentang apa-apa syarat ke atas pembebasan mereka dan akibat tidak bekerjasama. Ia adalah satu proses yang berdiri sendiri, tetapi ia telah dikenal pasti sebagai satu elemen kejayaan bagi program alternatif terhadap penahanan. Ketelusan, perkongsian maklumat yang aktif dan kerjasama yang baik antara semua pelaku yang terlibat juga telah ditunjukkan sebagai membangunkan kepercayaan di kalangan individu-individu yang berkenaan dan untuk meningkatkan kadar pematuhan.¹³⁷

Kemahiran dan personaliti kakitangan

Kemahiran dan peribadi atau personaliti kakitangan boleh menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan pada alternatif. Pengambilan dan latihan kakitangan perlu diuruskan dengan baik, termasuk melalui latihan, kursus dan/atau pensijilan bersesuaian.¹³⁸ Tatakelakuan atau lain-lain peraturan berkaitan dengan tingkah-laku kakitangan boleh menjadi aspek penting dalam langkah-langkah penahanan dan alternatif terhadap penahanan.

Alternatif yang dikendalikan oleh NGO atau kontraktor swasta

Di mana alternatif dikendalikan oleh **pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau swasta**, sebuah perjanjian yang mengikat secara undang-undang perlu dimeterai dengan pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan, dan tertakluk kepada pematuhan pemantauan secara berkala oleh kerajaan, badan inspektorat bebas kebangsaan dan/atau badan-badan atau organisasi antarabangsa (seperti UNHCR). Perjanjian itu akan menggariskan peranan dan tanggungjawab setiap badan serta aduan dan aturan pemeriksaan, serta peruntukan bagi penamatan perjanjian jika syarat-syarat tidak dipatuhi.

Adalah penting supaya perjanjian itu tidak menyediakan insentif-insentif untuk menggunakan langkah-langkah yang lebih terbatas daripada yang sepatutnya perlu. Walaupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau swasta berperanan dalam pengurusan dan/atau pelaksanaan alternatif, dan amalan-amalan yang baik mungkin dikenakan melalui kewajiban berkanun ke atas entiti tersebut untuk mengambil kira kebajikan tahanan, kerajaan negara berkenaan kekal bertanggungjawab terhadap undang-undang antarabangsa untuk memastikan piawaian hak asasi manusia dan pelarian dipenuhi. Adalah penting diingati bahawa keputusan untuk mengenakan sekatan ke atas kemerdekaan individu atau kebebasan bergerak tidak boleh dibuat oleh mana-mana badan bukan-Kerajaan.¹³⁶

Peranan badan bukan kerajaan atau swasta dalam **proses penguatkuasaan perintah ketidakpatuhan** (seperti melaporkan ketidakhadiran atau penghilangan diri kepada pihak berkuasa untuk tindakan susulan) berbeza-beza. Bagaimanapun, tidak semestinya badan-badan ini mengambil bahagian dalam proses penguatkuasaan.

Nota Akhir

- ¹ United Nations Human Rights Committee (HRC), CCPR General Comment No. 15: *The Position of Aliens under the Covenant*, 11 April 1986, para. 5, yang terdapat di t: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/45139acfc.html>. Lihat juga, *Moustaquim v. Belgium*, (1991), Council of Europe: European Court of Human Rights (ECtHR), App. No. 26/1989/186/246, para. 43, yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/3ae6b7018.html> dan *Vilvarajah and Others v. the United Kingdom*, (1991), ECtHR, App. No. 45/1990/236/302-306, para. 103, yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/3ae6b7008.html>.
- ² Lihat, secara khusus, UN High Commissioner for Refugees (UNHCR), Executive Committee of the High Commissioner's Programme (ExCom), *Conclusion on Reception of Asylum-seekers in the Context of Individual Asylum Systems*, No. 93 (LIII) – 2002, yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/3dafdd344.html>. Semua konklusi ExCom juga terdapat mengikut subjek dalam UNHCR, A *Thematic Compilation of Executive Committee Conclusions*, Edisi ke-6, Jun 2011, <http://www.unhcr.org/refworld/docid/3dafdd344.html>.
- ³ UNHCR, *Refugee Protection and Mixed Migration: The 10-Point Plan in Action*, Februari 2011, yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/4d9430ea2.html>.
- ⁴ A. Edwards, *Back to Basics: The Right to Liberty and Security of Person and "Alternatives to Detention" of Refugees, Asylum-Seekers, Stateless Persons and Other Migrants*, UNHCR Legal and Protection Policy Research Series, PPLA/2011/01.Rev.1, April 2011, mukasurat 1 (“*There is no empirical evidence that the prospect of being detained deters irregular migration, or discourages persons from seeking asylum.*”) (*Edwards, Back to Basics: The Right to Liberty and Security of Person and "Alternatives to Detention"*), yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/4dc935fd2.html>; seperti yang dinyatakan di dalam United Nations, Report of the Special Rapporteur on the Human Rights of Migrants, François Crépeau, A/HRC/20/24, 2 April 2012, para. 8yan terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/502e0bb62.html>
- ⁵ Satu perbezaan yang jelas diperlukan antara orang tanpa kerakyatan yang sedang mencari suaka di negara-negara lain dan orang tanpa kerakyatan yang menetap di negara mereka “sendiri” dalam erti kata yang dibayangkan oleh Artikel 12(4) oleh *International Covenant on Civil and Political Rights*, 1966 (ICCPR). Hal terakhir ini termasuk individu yang pada jangka panjang, penduduk yang lazim sesuatu negara yang selalunya negara kelahiran mereka. Berada dalam “negara sendiri” mereka mempunyai hak untuk masuk dan menetap di sana dengan implikasi yang besar untuk status mereka di bawah undang-undang negara. Peraturan mengenai alasan-alasan yang boleh diterima untuk tahanan akan berbeza antara kedua-dua kumpulan (Garis Panduan 4.1). Berhubung dengan hal sebelumnya, alasan yang digariskan dalam Garis Panduan ini adalah terpakai; bagaimanapun, justifikasi sedemikian bagi penahanan orang tanpa kerakyatan yang menetap di negara mereka “sendiri” dalam banyak contoh membawa kepada kesembarangan dan menyalahi undang-undang (termasuk yang tidak ditentukan) penahanan. Untuk maklumat lanjut mengenai penahanan dan orang tanpa kerakyatan, lihat UNHCR, *Guidelines on Statelessness No. 2: Procedures for Determining whether an Individual is a Stateless Person*, 5 April 2012, HCR/GS/12/02, para. 59-62, yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/4f7dafb52.html>

- ⁶ Terma “ ‘Orang didapati tidak memerlukan perlindungan antarabangsa’ difahami sebagai bermaksud orang yang telah mencari perlindungan antarabangsa dan yang selepas pertimbangan yang sewajarnya tuntutan mereka dalam prosedur yang adil, didapati tidak layak untuk status pelarian berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Konvensyen 1951, dan tidak juga berada dalam keadaan memerlukan perlindungan antarabangsa mengikut kewajipan antarabangsa atau undang-undang negara “, lihat UNHCR, ExCom, *Conclusion on the Return of Persons Found Not to be in Need of International Protection*, No. 96 (LIV) – 2003, preambular para. 6, yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/3f93b1ca4.html>
- ⁷ Lihat, nota 22 dibawah.
- ⁸ *Guzzardi v. Italy*, (1980), ECtHR, App. No. 7367/76, para. 93, yang terdapat di: <http://www.unhcr.org/refworld/docid/502d42952.html>
